

20/10/2000

Marina nafi wanita punca Aids meningkat

KUALA LUMPUR, Khamis - Presiden Yayasan Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir, menyangkal dakwaan bahawa wanita menjadi punca peningkatan kes HIV/Aids yang membabitkan golongan berusia 25 tahun ke bawah.

Beliau berkata, dakwaan itu tidak tepat dan hanya menjatuhkan maruah wanita kerana virus HIV/Aids bukan saja merebak melalui hubungan seks tetapi juga perkongsian jarum suntikan di kalangan penagih dadah serta proses pemindahan darah.

Malah, katanya, sehingga kini tiada bukti kukuh bagi mengaitkan wanita sebagai pembawa utama HIV/Aids.

"Pertambahan kes itu sebenarnya disebabkan kurangnya kesedaran mengenai bahaya HIV/Aids," katanya ketika diminta mengulas sama ada wanita menjadi punca ramai golongan berusia 25 tahun ke bawah dijangkiti virus itu, terutama di Sabah dan Sarawak.

Beliau berkata, statistik menunjukkan peratus wanita di negara ini yang dikesan pembawa virus HIV/Aids hanya lima peratus.

(END)